

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Islam
Sent: Wednesday, 15 March, 2017 11:46 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PUSAT ISLAM TERIMA LAWATAN PENANDA ARAS IPGK TUNKU BAINUN



16 JAMADILAKHIR 1438H BERSAMAAN 15 MAC 2017

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh : Salina Binti Abdullah
Gambar Oleh : Nasirruddin Abdul Jalil

PUSAT ISLAM TERIMA LAWATAN PENANDA ARAS IPGK TUNKU BAINUN



PUSAT ISLAM ONLINE: Pada 8 Mac yang lalu, Pusat Islam telah menerima lawatan seramai 10 orang pensyarah dan 25 orang bakal guru dari Institut Pendidikan Guru Kampus Tunku Bainun, Bukit Mertajam yang diketuai oleh Ustaz Rizaman Yahaya, Ketua Unit Pusat Islam , IPGK Tuanku Bainun.

Lawatan penanda aras ini bertujuan bagi perkongsian ilmu dalam hal ehwal pengurusan pembangunan kepimpinan, pembelajaran berterusan, pembangunan kompetensi dan perkhidmatan agar seiringan dengan kemajuan Pusat Islam di IPT lain yang telah lama beroperasi.

Pihak IPGK Tunku Bainun juga memuji pencapaian Pusat Islam UUM yang disifatkan sebagai amat cemerlang dalam penganjuran program-program kerohanian dan keagamaan. Selain tertarik dengan Konsep “6K” yang diterapkan iaitu Kerohanian, Keagamaan, Keilmuan, Kesihatan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan.

Beliau juga berharap agar Pusat Islam UUM dapat berkongsi idea dan pengalaman dalam menjalankan aktiviti kerohanian dan Majlis Sambutan Hari Kebesaran Islam selain penganjuran program-program keagamaan.

Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Ismail Hj. Ishak turut berkongsi beberapa pencapaian bagi tahun 2016 serta perancangan aktiviti bagi tahun 2017. Antara pencapaian 2016 adalah Seminar Islam & Sains Peringkat Kebangsaan: “Teknokrasi Islam Melestari Ummah” dan Dialog

Keselamatan Negara : “Akidah Songsang Mengancam Keselamatan Negara” dan sebagainya.

Semasa lawatan, delegasi IPGK Tunku Bainun telah di bawa melawat sekitar pejabat pentadbiran, kawasan masjid, bilik pengurusan jenazah, tempat sembelihan korban dan lain-lain.

Pengarah Pusat Islam UUM dengan besar hati menyerahkan cenderahati kepada Ketua Unit Pusat Islam IPGK Tunku Bainun dan berharap agar jalinan ukhuwwah yang baru terjalin ini akan terus berkekalan.

Habis.

**PUSAT ISLAM UUM,
KOMPLEKS PUSAT ISLAM,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 UUM SINTOK, KEDAH**

Tel: 04-9282560/2559

Fax : 04-9282561

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>

Email : p.islam@uum.edu.my

Facebook : Pusat Islam UUM



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.